



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1(19)

Tarikh: 3 Jun 2020

KENYATAAN MEDIA

Perkhidmatan Funikular Bukit Bendera Dibuka Semula untuk Pendaki Berkuatkuasa 6 Jun 2020

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan pada 2 Jun 2020 bahawa aktiviti mendaki di Bukit Bendera melalui Jalan Jip dan Laluan Warisan (*Heritage Trail*) akan dibenarkan berkuatkuasa pada 6 Jun 2020.

Selaras dengan pengumuman ini, perkhidmatan funikular akan dibuka untuk para pendaki pada 6 Jun 2020. Perkhidmatan funikular akan beroperasi setiap satu jam dari jam 7.00 pagi dan seterusnya, perkhidmatan terakhir dari Stesen Atas adalah pada pukul 7.00 malam.

Para pendaki yang mendaki menerusi Laluan Warisan (*Heritage Trail*) disarankan untuk mendaftar melalui PGCARE di Stesen Bawah Bukit Bendera untuk tujuan pengesanan kontak dan perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP).

Memandangkan perkhidmatan funikular tidak beroperasi dengan kapasiti maksima selaras dengan SOP untuk norma baru, tiada perkhidmatan di *substations* disediakan kepada pendaki. PBBPP hanya menyediakan perkhidmatan untuk turun dan naik di Stesen Tengah (*Middle Station*) untuk pendaki.

Perkhidmatan funikular yang dijadualkan adalah untuk penduduk, pekerja dan pendaki sahaja, manakala perkhidmatan funikular masih belum dibuka untuk pengunjung lain sehingga pengumuman selanjutnya oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Harap maklum bahawa *David Brown's Restaurant & Tea Terrace* akan beroperasi setiap hari bermula 8 Jun 2020. Astaka akan ditutup sehingga diberitahu kelak, sila layari laman Facebook rasmi PBBPP untuk maklumat lanjut mengenai tarikh pembukaan semula Astaka.

SOP untuk norma baru akan dikemaskini menerusi laman Facebook rasmi PBBPP. Sila hubungi PBBPP di talian 04-828 8880 atau e-mel ke inquiries@penanghill.gov.my untuk maklumat terkini.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Chris Koay

Penang Hill Corporation

Tel: 04-828 8880

shkoay@penanghill.gov.my

Safina Ramli

Penang Hill Corporation

Tel: 04-828 8880

safina@penanghill.gov.my